



**KEMENTERIAN  
PERPADUAN NEGARA**

**KENYATAAN MEDIA**

**SEMANGAT HARIMAU IRINGI SAMBUTAN TAHUN BARU CINA**

---

31 Januari 2022, Putrajaya – Selamat Tahun Baru Cina kepada semua Keluarga Malaysia yang meraikannya.

1. Sambutan Tahun Baru Cina merupakan perayaan utama bagi masyarakat Cina di seluruh dunia yang dianggap sebagai permulaan dan pembaharuan dalam kehidupan.
2. Mengikut kalendar lunar Cina, tahun ini merupakan tahun Harimau yang melambangkan kekuatan dan keberanian yang sentiasa wujud dalam kalangan Keluarga Malaysia. Ia jelas dapat dilihat tatkala negara berdepan dengan pelbagai cabaran dan dugaan. Kesemua ini dapat didepani dan diharungi dengan tabah sekali.
3. Semangat berjuang, kebersamaan dan penyatuan dalam Keluarga Malaysia mengukuhkan lagi ikatan perpaduan dan kesepakatan yang telah sekian lama terbentuk dan wujud di antara kita.
4. Sama-sama kita hayati dan peliharakekayaan dan kepelbagaian budaya serta adat resam berbilang kaum dan agama serta titik pengukuhan sikap hormat-menghormati sesama sendiri.

5. Sambutlah Tahun Baru Cina ini dengan sederhana namun kemeriahannya tetap dirasai dan usah lalai untuk sentiasa memberi keutamaan kepada pematuhan SOP yang telah ditetapkan.
6. Semoga Tahun Harimau ini akan membawa kemakmuran, kesejahteraan dan kebahagiaan buat kita semua dalam menempuh kehidupan yang mendatang.

Selamat Tahun Baru Cina kepada Keluarga Malaysia yang dikasihi.

**YB Datuk Halimah Mohamed Sadique  
Menteri Perpaduan Negara**

31 Januari 2022

-TAMAT-

**Pertanyaan media:**

1. **Lee Hock Keong**, Setiausaha Akhbar  
Tel: 018-780 0079
2. **Dato' Tengku Khalidah binti Tengku Bidin**, Ketua Komunikasi Korporat  
Tel: 012-2518801

No Rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (116)